

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2024**MARKAH PENUH: 100 MARKAH****Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata majmuk** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata majmuk tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata majmuk telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata majmuk salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata majmuk yang ditambah, digugurkan atau ditukarkan imbuhan, berikan 0 markah.
8. Kata majmuk digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Majmuk	Maksud
kerjasama	1. kerja (usaha dsb) bersama-sama atau saling membantu (antara dua atau beberapa pihak), gotong-royong: ~ antara semua pihak yg terlibat amat perlu utk menjayakan projek ini; 2. sumbangan pelbagai rupa (bersifat bantuan tenaga, sokongan, persefahaman, dll) dr satu pihak kpd pihak yg lain utk faedah bersama: jabatan itu dapat bergerak dgn licin hanya jika ada ~ dr pihak orang ramai; seseorang ketua memerlukan ~ drpd orang-orang bawahannya supaya segala yg diselenggarakan berhasil; syarikat ~ syarikat yg dikendalikan bersama oleh ahli-ahlinya (dgn cara saling membantu, menyumbang, dsb) utk faedah bersama; bekerjasama bekerja (berbuat sesuatu) bersama-sama atau dgn cara saling membantu (menyumbang dsb), bergotong-royong:

	mereka tidak dapat membuat satu-satu kerja dgn sempurna kalau tidak dgn ~.
rumah tangga	perihal rumah dan kehidupan dlm rumah, rumah dgn keluarga yg mendiaminya; berumah tangga 1. mengurus rumah tangga, berkeluarga; pendapatan dan umurnya sudah cukup utk dia ~; 2. berkahwin (beristeri atau bersuami): sebelum aku mati mahulah aku melihat engkau ~ dulu.
tanggungjawab	kewajiban yg dipikul oleh seseorang, segala yg wajib ditanggung: oleh sebab itu segala pegawai polis teramat berat ~nya;
bersatu hati	bermuafakat benar, seia sekata;
berganding bahu	bekerjasama

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

AYAT TUNGGAL	AYAT MAJMUK	MARKAH
Harimau betina boleh melahirkan anak pada usia tujuh hingga 15 tahun. Harimau betina mampu melahirkan anak antara 18 hingga 24 ekor.	Harimau betina boleh melahirkan anak pada usia tujuh hingga 15 tahun dan mampu melahirkan anak antara 18 hingga 24 ekor.	2
Ibu harimau mengajar anaknya memburu mangsa pada usia 18 bulan. Kebolehan berburu penting untuk kelangsungan hidup anaknya.	Ibu harimau mengajar anaknya memburu mangsa pada usia 18 bulan kerana kebolehan berburu penting untuk kelangsungan hidup anaknya.	2
Harimau telah menjadi simbol rasmi kerajaan Malaysia. Harimau digunakan dalam Jata Negara.	Harimau telah menjadi simbol rasmi kerajaan Malaysia yang/dan digunakan dalam Jata Negara.	2

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

Seri Mawar Kolej	-	Kolej Seri Mawar
Febuari	-	Februari
pendidikan	-	pendidikan
diminta	-	dipohon
di bawah	-	bawah
kelepasan	-	pelepasan
temuduga	-	temu duga

[Maksimum: 6 markah]**Bahan 2**

keluaran	-	lepasan	
mengenepikan	-	mengetepikan	
anak muda dambakan	-	didambakan (oleh) anak muda	
professional	-	profesional	
bukan	-	tidak	
berbagai	-	berbagai-bagai/pelbagai	

[Maksimum: 5 markah]**Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut turutan**

Bahagian B: Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6: **12** markah

Soalan 7: **13** markah

Soalan 8: **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8:

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**i. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat gramatis.	2
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat tidak gramatis.	1
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup.	
Jawapan salah.	0

ii. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi)/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat gramatis.	3
Isi cukup (2 isi)/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
Isi tidak cukup/menyentuh semua bahan/ayat gramatis.	
Isi tidak cukup/tidak menyentuh semua bahan.	1
Jawapan salah.	0

iii. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/relevan dengan tugas/ayat gramatis.	4
Isi cukup (3 isi)/relevan dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis.	3
Isi tidak cukup (2 isi)/ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (2 isi)/ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (1 isi)/ayat <i>kurang</i> gramatis.	1
Jawapan salah.	0

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Selepas melihat di serata/merata-rata/sekeliling, Kertala Sari kembali ke tempat persinggahannya itu, lalu dia berjalan mencari tempat untuk menyimpan/meletak/menyembunyikan harta. Kertala Sari melihat ada sebuah bukit di luar kota itu. Lalu, dia pun pergi ke atas bukit itu.

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

1	api dalam sekam/gunting dalam lipatan musuh dalam selimut/ mulut tempayan/mulut buyung dapat dipendam, mulut manusia siapa dapat menutup/mulut tabuh dapat disumbat, mulut orang bagaimana menyumbatnya	2
2	seekor kerbau membawa lumpur habis semua terpalit/seekor kerbau berkubang, sekandang kena luluknya/seekor kerbau membawa lumpur, segala kerbau dikatakan membawa lumpur juga/seekor kerbau membawa lumpur, habis mercik merata-rata/ seruas tebu yang berulat, sebatangnya dibuang/ kerana nila setitik, rosak susu sebelanga	2
3	takkan pisang berbuah dua kali/takkan dua kali orang tua kehilangan tongkat	2

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 6 – Pemahaman

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, maksud rangkai kata *menunjukkan teladan* ialah...
- mempamerkan/menonjolkan/memperlihatkan contoh/nilai [2m]
 - menunjukkan contoh/nilai [1m]
 - mempamerkan/menonjolkan/memperlihatkan teladan [1m]
- [Maksimum: 2 markah]**

- (ii) Dengan merujuk **semua bahan, kesan-kesan** apabila seseorang itu gagal mengawal kemarahan ialah...

Bahan 1

- P1- akan meningkatkan risiko kesihatan mental apabila mereka meningkat dewasa [1m]
- P2- akan menyebabkan mereka menjadi seorang yang antisosial [1m]
- P3- mungkin membesar menjadi seorang yang panas baran [1m]
- [Isi cukup: 1 isi]**

Bahan 2

- P4- akan menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada kesihatan diri [1m]
- P5- menyebabkan hormon *adrenalina* dan *noradrenalina* meningkat sehingga otot tubuh menjadi tegang [1m]
- P6- akan menjadi konflik yang lebih rumit apabila tidak ditangani secara berhemah [1m]
- P7- akan mengakibatkan keadaan rumah tangga porak-peranda [1m]
- [Isi cukup: 1 isi]**

[Maksimum: 3 markah]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

- (iii) Pada pendapat saya, punca-punca yang menyebabkan seseorang itu mudah marah ialah...

- P1- masalah keluarga [1m]
- P2- masalah peribadi/konflik diri/konflik dengan rakan sebaya [1m]
- P3- keadaan persekitaran [1m]
- P4- perubahan hormon [1m]
- P5- masalah kesihatan [1m]
- P6- masalah kewangan [1m]
- P7- beban tugas/kerja [1m]

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Sebagai seorang rakan yang prihatin, **tindakan-tindakan** yang perlu saya lakukan untuk membantu rakan saya mengatasi masalah tersebut ialah...

- P1- menasihatinya agar mengawal emosi [1m]
- P2- membawanya berjumpa kaunselor/pakar [1m]
- P3- menghubungi keluarganya [1m]
- P4- merujuk kepada guru/pentadbir sekolah [1m]
- P5- mengajaknya menjalankan aktiviti sihat/riadah/berfaedah [1m]
- P6- mengajaknya mendekatkan diri kepada Tuhan [1m]

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Sastera

(i) Berdasarkan Bahan 1, maksud rangkai kata *memikat jiwa* ialah...

- menawan/menarik hati/sukma [2m]
- memikat hati/sukma [1m]
- menawan/menarik jiwa [1m]

[Maksimum: 2 markah]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, keistimewaan-keistimewaan kraf tangan

Bahan 1

- P1- tangan manusia yang berjiwa seni yang menghasilkannya [1m]
- P2- corak-corak tradisi yang unik dan menawan [1m]
- P3- batik mewakili nilai yang tersendiri [1m]
- P4- memancarkan nilai seni dan budaya yang tinggi [1m]
- P5- sentuhan seninya mampu memikat pelanggan yang peka akan keindahan [1m]

Bahan 2

- P6- kraf tangan warisan yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu/lama [1m]
(Kraf tangan tinggalan orang lama)
- P7- kraf tangan tempatan mempunyai kesenian yang halus/kehalusan seni [1m]
kraf tempatan (Halus seni kraf tempatan)
- P8- memaparkan keunikan budaya yang diwaris turun-temurun (Keunikan [1m]
budaya turun-temurun)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

(iii) Pada pendapat saya, **langkah-langkah** mempopularkan produk kraf tangan ialah...

- P1- pengengaruh mempromosikan produk kraf tangan melalui platform media sosial [1m]
- P2- pengusaha kraf tangan menghasilkan produk kraf tangan yang kreatif/inovasi [1m]
- P3- kerajaan menyediakan dana/bantuan kepada pengusaha kraf tangan [1m]
- P4- kerajaan menganjurkan karnival/ekspo kraf tangan [1m]
- P5- ibu bapa membawa anak-anak ke pameran/karnival kraf tangan [1m]
- P6- pihak sekolah mengadakan pertandingan menghasilkan kraf tangan [1m]
- P7- masyarakat menyokong produk kraf tangan dengan membelinya [1m]

(Langkah lain lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) Sebagai pengerusi kelab, saya dapat menarik minat murid-murid menyertai program tersebut dengan...

- P1- menawarkan pelbagai hadiah yang menarik/memberikan sagu hati kepada setiap penyertaan [1m]
- P2- mengundang pengengaruh/artis ke program tersebut [1m]
- P3- menyediakan ruang untuk peserta menghasilkan kraf tangan secara langsung [1m]
- P4- menjemput pengusaha untuk menunjukkan demontrasi menghasikan produk kraf tangan [1m]
- P5- mempromosikan program tersebut melalui media sosial [1m]
- P6- menawarkan diskaun bagi produk kraf tangan [1m]

(Cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8: Novel**Panduan pemarkahan bagi soalan novel****Soalan (i)**

- (i) Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
- (ii) Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis.
- (iii) Isi cukup tiga.

Jawapan soalan (i)

Pesanan-pesanan yang disampaikan kepada Dahlia berdasarkan petikan novel ialah...

- P1- belajar betul-betul. [1m]
- P2- nanti pandai, jangan lupa balik kampung [1m]
- P3- jangan lupakan Allah [1m]
- P4- di mana-mana kita berada, sedarlah kita orang Melayu [1m]

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan.

Panduan pemarkahan bagi soalan (ii)

- (a) Jawapan berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi peristiwa/ huraian/ contoh yang lengkap/jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/huraian/ contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab, 0 markah.
- (i) Markah bahasa boleh melebihi markah isi.
 - I - 1 markah
 - B - 2 markah
 - J - 3 markah

[Maksimum: 6 markah]



Jawapan soalan (ii)

Peristiwa yang menyentuh perasaan

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Peristiwa ketika Adnan terpaksa menghantar Sophia yang sedang berbadan dua dan anak-anaknya pulang ke kampungnya di Sungai Ramal apabila mendengar khabar bahawa tentera Jepun akan menyerang Singapura.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana pertemuan tersebut ialah pertemuan terakhir antara Adnan dan keluarganya sebelum Adnan terkorban dalam pertempuran dengan tentera Jepun.
	Peristiwa ketika mayat Leftenan Adnan digantung pada pokok ceri dan ditikam bertubi-tubi dengan bayonet oleh tentera Jepun akibat perasaan marah akan semangat tidak mengaku kalah pada Leftenan Adnan.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana kekejaman Tentera Jepun ini di luar batas kemanusiaan dan pengakhiran Leftenan Adnan sangat tragis sehingga mayatnya hancur.
Tirani	Peristiwa Raidah, ibu kepada Waheeda berusaha dan sanggup menemani Waheeda menjalani pembedahan hidung di <i>Silicon Medical Centre</i> (SMC), Singapura.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana pengorbanan dan kasih seorang ibu yang tiada sempadan terhadap anaknya.
	Peristiwa ketika Waheeda diceraikan oleh suaminya Zahid yang menyebabkan Waheeda perlu tabah mendidik dan membesarkan anaknya Izzati sejak lahir di samping menguruskan perniagaan pelancongannya.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana kegigihan dan pengorbanan seorang ibu tunggal dalam membesarkan dan mendidik anaknya tanpa seorang suami.
	Peristiwa Zahid tidak mengakui Izzati merupakan anak kandungnya kerana rupa paras Izzati yang berbeza semasa dilahirkan.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana dugaan yang dihadapi oleh seorang anak yang tidak diakui anak oleh ayah kandungnya sendiri.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Di Sebalik Dinara	Peristiwa Farisha melawat ayahnya, Karl yang sedang nazak di rumah agamnya dan menyatakan bahawa dia akan sentiasa menghormati ayahnya. Farisha juga mengucapkan selamat tinggal kepada ayahnya.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana ketulusan kasih sayang seorang anak yang sanggup bertemu dengan bapa kandungnya walaupun bapanya pernah menjadikan dirinya bahan uji kaji sebagai kanak-kanak genius.
	Peristiwa Farisha berasa sedih apabila mengetahui abang angkatnya Azraai menghidap penyakit jantung.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana kasih sayang seorang adik yang mendalam terhadap abangnya walaupun bukan dari darah daging sendiri.
	Peristiwa ketika Azraai yang memasang <i>retinal scanner</i> di pintu apartment rumah Farisha bagi memastikan keselamatannya terjamin.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana keprihatinan dan kasih sayang seorang abang angkat untuk memastikan keselamatan adiknya.
Silir Daksina	Peristiwa apabila Haiqal tidak dibenarkan oleh umi untuk menjejaki ayah kandungnya di Kampung Seri Purnama buat kali terakhir.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana seorang anak tidak pernah berjumpa ayah kandungnya sejak kecil.
	Peristiwa Umi hadir menyaksikan Haiqal membuat persembahan tarian zapin di balai raya Kampung Seri Purnama.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana seorang ibu sanggup mengetepikan pendirian demi memberikan sokongan kepada anaknya.
	Peristiwa Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya, Haiqal yang telah terpisah daripadanya sejak kecil.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana kerinduan mendalam yang terpaksa ditanggung oleh seorang ayah terhadap anaknya yang telah terpisah akibat keruntuhan rumah tangga.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Peristiwa	Huraian
Jendela Menghadap Jalan	Peristiwa Haziq dan Rafiq dibelasah oleh ayahnya, Seman ketika di rumah Che Jah. Keduanya mengalami kecederaan.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana memikirkan kesengsaraan adik-beradik ini akibat sikap panas baran seorang ayah.
	Peristiwa Lili memaafkan kesalahan Rafiq dan Haziq yang telah menculiknya walaupun tindakan mereka itu tidak baik.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana kesanggupan seseorang untuk memberi kemaafan kepada orang lain.
Songket Berbenang Emas	Peristiwa Dahlia sanggup terjun ke dalam sungai tanpa memikirkan keselamatan dirinya demi menyelamatkan Said yang lemas. Namun, dia gagal dan Said meninggal dunia.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana tindakan seorang gadis yang sanggup merisikokan nyawanya demi menyelamatkan kanak-kanak yang lemas namun dituduh sebagai punca kematian.
	Peristiwa Dahlia sanggup keluar dari asrama kerana mahu menjaga adik-adiknya sedangkan beberapa bulan lagi dia akan menduduki peperiksaan STPM.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana pengorbanan seorang kakak yang sanggup menyetepikan kepentingan diri sendiri semata-mata mahu menjaga kebajikan adik-adiknya.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Novel	Peristiwa	Huraian
Pantai Kasih	Peristiwa kesanggupan Dr. Raiha meneruskan kandungan walaupun dipaksa oleh suaminya Dr. Sadiz supaya menggugurkan kandungan kerana janin tersebut mengalami <i>Syndrome Down</i> .	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana pengorbanan dan kasih sayang seorang ibu yang mempertahankan anaknya walaupun anak yang bakal dilahirkan kurang sempurna/cacat.
	Peristiwa ibu Unong Siron yang sanggup menjaga anaknya sepanjang dirawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana pengorbanan seorang ibu yang sentiasa bersama-sama anaknya untuk memberi semangat dan dorongan walaupun memudaratkan diri sendiri.
Bimasakti Menari	Peristiwa kesanggupan Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington Majid.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana tindakan seorang rakan yang sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk menyelamatkan sahabatnya.
	Peristiwa Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman yang berusaha ingin mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor dengan merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar populasi kelip-kelip tidak pupus.	Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana kegigihan dan usaha golongan muda yang sanggup bersusah payah melaksanakan projek mereka walaupun mendapat tentangan daripada pelbagai pihak.

Nota: Peristiwa dan huraian lain boleh diterima sekiranya sesuai

Bahagian C: Rumusan

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

- Pendahuluan - 2 markah
Isi (8 isi) - 16 markah
Kesimpulan - 2 markah

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berganda/berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Pengiraan Isi

Bahagian Isi	Bilangan isi	Bilangan isi diterima (cadangan)							Markah maksimum
(i) Pendahuluan									2
(ii) Isi Bahan 1									
Fokus 1 (Faktor/sebab/punca)	4	4	3	3	3	2	3	16	
Fokus 2 (Langkah/cara/usaha)	4	2	3	2	2	3	2		
(iii) Isi Bahan 2									
Fokus 1 (Faktor/sebab/punca)	2	1	1	2	1	1	2		
(iv) Isi Bahan 3									
Fokus 2 (Langkah/cara/usaha)	2	1	1	1	2	2	1		
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8		
(v) Penutup/kesimpulan									
Jumlah markah									20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik:

Peringkat	Markah Bahasa	Kriteria
Cemerlang	8 – 10	- Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 – 7	- Kesenambungan ayat baik. - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 – 4	- Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 – 2	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]		Markah
P1-	... membincangkan (Fokus 1) faktor-faktor/sebab-sebab/punca-punca remaja kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran dan (Fokus 2) langkah-langkah/cara-cara/usaha-usaha menggalakkan remaja meneruskan pelajaran.	2
P2-	... membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab/punca-punca remaja kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran.	1
P3-	... membincangkan langkah-langkah/cara-cara/usaha-usaha menggalakkan remaja meneruskan pelajaran.	1

Isi [16 markah]

Bahan 1 (Petikan)		Markah
Fokus 1 – (Faktor-faktor/sebab-sebab/punca-punca remaja kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran):		
A1-	tiada perancangan masa depan	2
A2-	terpengaruh dengan rakan sebaya yang suka berseronok	2
A3-	adanya pilihan kerjaya alternatif tanpa memerlukan kelulusan akademik yang tinggi	2
A4-	kursus yang ditawarkan di universiti tidak sesuai dengan minat remaja	2

Bahan 2 (Grafik)		Markah
Fokus 1 – (Faktor-faktor/sebab-sebab/punca-punca remaja kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran):		
B1-	mereka terlalu terikut-ikut dengan pempengaruh di media sosial untuk menjadi kaya	2
B2-	mereka takut akan kos pendidikan yang tinggi	2

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahan 1 (Petikan) Fokus 2 – (Langkah-langkah/cara-cara/usaha-usaha menggalakkan remaja meneruskan pelajaran):		Markah
C1-	pihak sekolah mengundang pakar-pakar untuk memberikan informasi tentang laluan pengajian selepas SPM	2
C2-	kerajaan menyediakan program pembangunan kemahiran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)	2
C3-	kursus-kursus yang ditawarkan di pusat pengajian tinggi perlulah relevan dan praktikal dengan kebolehpasaran	2
C4-	ibu bapa dan keluarga seharusnya memberikan sokongan moral kepada anak-anak	2

Bahan 3 (Sajak) Fokus 2 – (Langkah-langkah/cara-cara/usaha-usaha menggalakkan remaja meneruskan pelajaran):		Markah
D1-	ibu bapa membimbing anak-anak menentukan hala tuju	2
D2-	guru sentiasa memotivasikan murid untuk mencari ilmu	2

Kesimpulan [2 markah]		Markah
K1-	Kesimpulannya, minat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi perlu dipupuk agar melahirkan generasi berpengetahuan/berkemahiran.	2
K2-	Kesimpulannya, minat untuk melanjutkan pelajaran perlulah dipupuk.	1
(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)		

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT